

OKT 2025 / BIL. 14 / 2025

EON

Epitome of Nature

MENJULANG INOVASI, MEMPERKASA EKONOMI



INOVASI: CABARAN DAN HALATUJU BAGI MEMBENTUK EKONOMI TERKEHADAPAN

Fadli Dali, Fazreena Mansor, Ratha Krisnan Suppiah

Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan, UiTM Cawangan Pahang, Kampus Raub, 27600 Raub, Pahang

fadli@uitm.edu.my

EDITOR: MU'ADZ AHMAD MAZIAN

Dari segi ekonomi makronya, pendapatan negara iaitu Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) diukur dengan melihat keupayaan sesebuah negara untuk mengeluarkan lebih banyak barang dan perkhidmatan. Jika sebagai contoh, Malaysia mengeluarkan lebih banyak isi rong kelapa sawit, maka lebih banyak lagi pulangan atau pendapatan yang diterima menerusi eksport kelapa sawit ke negara luar.

Hakikatnya, Malaysia banyak bergantung kepada sumber asli dalam menjana pendapatannya. Seharusnya, kekayaan sumber asli ini diproses menjadi barangan yang bernilai tinggi. Peranan inovasi diperlukan untuk menukar sumber asli ini menjadi barangan atau perkhidmatan yang bernilai tinggi.

Inovasi menciptakan nilai tambah (*value added*) dan menjadikan sesuatu barangan atau perkhidmatan itu lebih berguna dan bernilai tinggi.

Lihat sahaja Singapura, negara kecil yang tidak dianugerahkan sumber asli yang banyak berbanding Malaysia tetapi menjana pendapatan negara yang lebih tinggi daripada Malaysia. Jawapannya ialah inovasi. Singapura sanggup membelanjakan bilion dollar Singapura bagi memastikan industri menerusi rakyatnya menjadi lebih inovatif dan kreatif dengan pembiayaan perniagaan, geran penyelidikan dan biasiswa.

Malah, Singapura sanggup membayar upah lebih tinggi untuk menarik masuk kepakaran luar untuk menyumbang kepada inovasi Singapura. Tambahan pula, Singapura menjadikan Malaysia dan negara sekitarnya untuk membekalkan sumber asli.

Tugas Singapura pula mengubah sumber asli tersebut menjadi barangan bernilai tinggi dan menjual semula ke negara lain termasuk Malaysia. Sebagai

contoh, Singapura mengimport minyak kelapa sawit daripada Malaysia dan menjadikannya produk minyak masak serta makanan dan mengeksportnya semula ke negara ASEAN lainnya.

Selain itu, terdapat syarikat-syarikat Malaysia yang membuat acuan cakera keras (hard disk drive) dan mengeksportnya ke Singapura. Singapura menerusi syarikat-syarikat seperti Seagate dan Western Digital menggunakan acuan ini untuk menghasilkan pemasangan siap cakera keras yang sedia digunakan.

Inovasi menciptakan nilai tambah (*value added*) dan menjadikan sesuatu barangan atau perkhidmatan itu lebih berguna dan bernilai tinggi.



Gambar 1: Contoh jenama produk syarikat Singapura iaitu Wilmar International menggunakan sumber asli kelapa sawit diimport dari Malaysia.
(Sumber: Wilmar-International, 2025)

Memupuk inovasi di kalangan pelajar sekolah dan universiti

Ternyata sumber manusia ataupun modal insan merupakan sumber sebenar kekuatan ekonomi sesebuah negara. Teori ekonomi moden menyatakan pelaburan terhadap sumber manusia membolehkan sesebuah negara lebih maju berbanding negara yang bergantung sepenuhnya pada sumber asli.

Usaha ini boleh dilakukan menerusi usaha berterusan kerajaan dalam memberi galakan dan peruntukan kewangan terhadap usaha penyelidikan dan pembangunan, pertandingan inovasi dan kreativiti, pendidikan yang berkualiti, dan sikap yang positif. Di pihak universiti pula sebagai contoh, usaha untuk menggalakkan pelajar mengikuti pertandingan inovasi dan kreativiti perlu digerakkan dengan lebih agresif. Ini kerana kebanyakan penyertaan inovasi yang diikuti

pelajar universiti umumnya disebabkan keperluan sesuatu subjek tersebut. Itupun bilangannya agak terhad. Sebagai contoh seorang pelajar diploma hanya terlibat sekali atau dua kali dalam pertandingan inovasi sepanjang pengajiannya.

Hakikatnya, inovasi merupakan tulang belakang bagi setiap perniagaan pemula (*start-up company*). Memupuk nilai dan sikap positif terhadap inovasi perlu menjadi darah daging bagi setiap pelajar universiti. Universiti perlu menggerakkan inovasi peringkat dalaman di kalangan pelajar sebagai salah satu indeks pencapaian utama universiti.

Pada masa yang sama, usaha perlu digerakkan agar dana dari pihak swasta dan kerajaan sendiri tersedia bagi mencapai matlamat ini. Di pihak sekolah, usaha pengukuhan pendidikan STEM (*Science, Technology, Engineering and Mathematics*) dan integrasi subjek inovasi ke

dalam kurikulum perlu diperkasakan. Memupuk minat pelajar terhadap STEM semasa di sekolah amat penting bagi menjamin Malaysia mempunyai '*pool talent*' semasa mereka mengikuti pengajian di universiti. Ketersediaan pelajar sekolah boleh mengukuhkan keupayaan universiti untuk melahirkan pelajar yang berminat terhadap inovasi dan inovasi. Jika di universiti pelajar tersebut mengambil jurusan pengurusan perniagaan, pelajar akan mencari jalan untuk memulakan perniagaan berdasarkan penglibatan, pengalaman dan kecenderungan pelajar terhadap inovasi dan kreativiti di masa lepas.

Ketersediaan pelajar sekolah boleh mengukuhkan keupayaan universiti untuk melahirkan pelajar yang berminat terhadap inovasi dan inovasi.

Pentingnya mengatasi “Brain Drain”

Sungguh rugi bagi sesebuah negara yang melabur jutaan ringgit untuk membentuk modal insan yang berkualiti tinggi tapi akhirnya modal insan ini bekerja di luar negara. Kerugian ini bukan sahaja diukur pada setiap ringgit yang telah dihabiskan untuk membentuk modal insan ini tetapi juga sumbangan mereka yang tidak dapat dimanfaatkan kepada negara. Usaha-usaha telah digerakkan menerusi TalentCorp bagi mengatasi masalah ini. Pun begitu, perlu ada usaha yang lebih giat lagi memastikan sumbangan mereka kekal kepada negara dan pada masa yang sama mereka dapat memenuhi keinginan mereka untuk mendapat upah dan pendedahan yang lebih tinggi. Sesuatu perlu dilakukan agar mereka yang benar-benar berbakat ini akan terus kekal memberi sumbangan kepada Malaysia. Pengalaman dan pengetahuan mereka boleh digunakan untuk membangunkan model pembelajaran berinovasi dan ekonomi berimpak tinggi. Jika tidak, segala usaha membangunkan modal insan dari peringkat sekolah hingga ke peringkat universiti akan menjadi sia-sia. Perlu diingat, mereka berupaya memulakan perniagaan dan mencipta peluang pekerjaan

baru kepada rakyat Malaysia. Jika Malaysia berhasrat untuk membangunkan ekonominya mengikut acuan model ekonomi Revolusi Industri 4.0, maka jawapannya terletak kepada keupayaan sumber manusianya. Teknologi seperti “*smart factory*” akan direalisasikan dan dipercepatkan jika sumber manusianya bersedia dari segi keupayaan inovasinya dan penerimaannya terhadap upah yang lebih lumayan.

Keutamaan negara

Sebaik apapun perancangannya, jika perlaksanaannya tidak diperkasa akan menjadikan sesuatu matlamat itu tidak dapat direalisasikan. Adalah menjadi keutamaan negara untuk mula bergerak dan lebih serius dalam memperkasakan usaha membudayakan inovasi dan kreativiti di kalangan pelajar sekolah dan universiti serta membantu pihak industri mengukuhkan usaha penyelidikan dan pembangunan.

Tidak lepas juga pemain industri sendiri perlu memainkan peranan lebih aktif menerusi perkongsian modal, teknologi dan kepakaran dengan pihak luar dan dalam negara. Teringat kepada satu ungkapan “tuntutlah ilmu sampai ke

negara China”. Ada dua pengajaran yang kita perlu ambil.

Pertama, ilmu adalah asas kepada keupayaan ekonomi bahkan teknologi sesebuah negara bangsa.

Kedua, kita harus mencontohi semangat, usaha, kegigihan negara yang lebih baik dari kita contohnya China. Jenama-jenama negara China seperti BYD dan Huawei merupakan sesuatu yang asing pada masa dahulu. Pun begitu, dengan tekad dan sokongan serta kerjasama antara kerajaan dan industri perniagaan di China menjadikan mereka pengeluar kereta elektrik terkemuka dengan BYD tersenarai pada tangga 143 dalam Fortune Global 500. Ironinya, China dahulunya terkenal sebagai negara yang suka meniru ciptaan dan menjual barang-barang berkualiti rendah.

Tetapi hari ini hampir setiap rumah di Malaysia dan dunia menggunakan barangan buatan China. Syarikat BYD yang dulunya mengeluarkan bateri kegunaan rumah kini mengeluarkan bateri kereta jenama dunia termasuk untuk kegunaan syarikat Tesla.

Kesimpulannya, jika negara ini ingin maju, inovasi adalah jawapannya. Semua pihak mesti mempunyai matlamat yang sama dan sanggup berkorban untuk mencapai hasrat ini.